

# Pendedahan skop kerja pengamal media

**Kuala Terengganu:** Bengkel Pengurusan Media 2019 kepada pegawai perhubungan awam (PRO) dan pegawai media di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) penting untuk mereka memahami dan menguruskan keperluan pengamal media.

Pada bengkel yang berlangsung selama tiga hari itu bermula kelmarin, seramai 32 peserta yang terdiri daripada PRO dan pegawai media KPDNHEP seluruh negara menyertainya yang turut diberi pendedahan mengenai skop kerja dan operasi editorial Media Prima Berhad (MPB).

Pengarang Eksekutif Komerisial dan Hal Ehwal Semasa BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzaman, berkata MPB menggalakkan kementerian dan agensi di bawahnya serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta untuk bersama dalam program seumpama ini.

Katanya, pengisian program sememangnya bermanfaat kerana turut membabitkan perkongsian pengalaman, tip pengurusan media dan penyebaran maklumat dan menyampaikan mesej kementerian kepada masyarakat.

"Dalam cabaran media semasa memerlukan pegawai kementerian untuk menimba dan menambah pengetahuan agar penyampaian maklumat dilakukan dengan baik untuk kepentingan organisasi masing-masing.

"Selain itu dengan adanya media sosial dan juga berlaku penyebaran berita palsu serta dakwah yang cuba disebarikan me-



**Ahmad Zaini bersama peserta selepas program** Bengkel Pengurusan Media Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama Media Prima, di Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

merlukan mereka untuk menangani perkara ini.

Jadi tip dan perkongsian melalui bengkel ini penting dalam mereka menjalankan tugas dan peranan yang dipikul," katanya yang turut bertindak sebagai panel pada bengkel terbabit.

Barisan ahli panel lain adalah Pengarang Berita Wilayah, Jabatan Berita & Ehwal semasa, Rangkaian TV Media Prima, Azwaliza Azman; Pengarah Berita Nasional & Politik, Jabatan Berita & Ehwal Semasa, Rangkaian TV Media Prima, Azhari Muhidin dan Pengurus Besar Kandungan Melayu Rev Asia, Hafriz Zulkar.

Sementara itu, peserta yang juga Penolong Penguat kuasa KPDNHEP Johor, Muhammad Farhan Esa berkata, bengkel ini penting untuk mereka sebagai pegawai media untuk mendapatkan tips dalam menguruskan dan mengatasi isu yang di bawa oleh pihak media.

"Saya bertugas di ibu pejabat KPDNHEP Johor yang semua isu berkaitan di seluruh negeri akan dirujuk di sana. Jadi bengkel sebegini bagus untuk kami apabila berdepan dan dengan pihak media," katanya.

Bagi Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Terengganu, Fairuz Ahmad Barui, bengkel ini seme-

mangnya sesuai dengan situasi sekarang apabila media sememangnya aktif.

"Sebagai pegawai di kementerian, saya harus bersiap sedia dengan apa jua situasi apabila berdepan dengan baik.

Jadi menerusi bengkel ini yang turut didedahkan dengan situasi sebenar sidang media membolehkan saya untuk memahami dan seterusnya dapat mengatasi apabila berlaku dalam situasi sebenar.

"Saya berharap akan datang, bengkel ini dapat diteruskan agar mendapat pendedahan selanjutnya mengenai pengurusan media," katanya.